

# 21,241 PATI diusir sejak awal tahun

15,957 pendatang lagi masih di depoh tahanan imigresen

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kerajaan sudah mengusir 21,241 pendatang asing tanpa izin (PATI) dari pelbagai negara bagi tempoh 1 Januari hingga 10 Ogos lalu.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainuddin, berkata pengusiran itu turut dilaksanakan ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) anta-

ra Mac hingga Jun lalu.

Katanya, antara PATI diusir ialah 9,276 warga Indonesia, diikuti Bangladesh (2,643), Myanmar (1,891), Thailand (1,715), India (1,412), China (1,343), 991 (Pakistan), 646 (Vietnam), 314 (Nepal), Kembuja (271) dan lain-lain (739).

"Setakat ini, seramai 15,957 PATI masih ditempatkan di depoh tahanan imigresen seluruh negara.

"Pengusiran PATI ini dibuat mengikut prosedur, termasuk memastikan negara asal bersedia menerima kepulangan rakyat mereka dan melengkapkan proses seperti dokumentasi," katanya pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2019 dan Majlis Jasamu Di-



**Hamzah (kiri)** menyampaikan anugerah kepada Pengarah Bahagian Pengurusan Depoh dan Tahanan Jabatan Imigresen Ismail Ali, sambil diperhatikan Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Khairul Dzaikee Daud (tengah) di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

kenang, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) di sini, semalam.

Hamzah berkata, pihaknya turut berdepan kesukaran bagi melaksanakan proses pengusiran PATI khususnya sepanjang tempoh pandemik COVID-19.

"Amat sukar untuk menghantar

mereka (PATI) pulang buat masa ini kerana negara asal masih tidak bersedia disebabkan kebimbangan COVID-19.

"Mereka mungkin percaya rakyat mereka yang pulang itu akan membawa bersama jangkitan COVID-19 sebelum mereka dihantar pulang ke negara asal," katanya.

tara negara terbaik memerangi wabak itu.

"Setiap PATI yang diusir itu dibuat mengikut prosedur termasuk menjalani tempoh kuarantin dan perlu bebas jangkitan COVID-19 sebelum mereka dihantar pulang ke negara asal," katanya.